

Permaisuri Agong rasmi Pergerakan Puteri Islam 17 Jun

KUALA LUMPUR, Isnin — Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong akan berangkat merasmikan pelancaran Pergerakan Puteri Islam di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, di Bangi 17 Jun ini.

Pergerakan Puteri Islam anjuran Lembaga Kebajikan Perempuan Islam kini berjaya mengumpul kira-kira 6,000 ahli dari 150 sekolah sejak ditubuhkan bulan Mei 1980 lalu.

Badan tersebut merupakan satu ide baru bertujuan membimbing anak muda khasnya gadis mempelajari, mengenal dan memperkemas diri dalam hidup berlandaskan lunas-lunas Islam.

Pengerusi Kebangsaan pergerakan itu, Toh Puan Norashikin memberitahu hari ini, di samping melahirkan satu masyarakat berkeperibadian, progresif dan berilmu, pergerakan itu juga bertujuan memberi latihan dan pendidikan jasmani

bagi semua peringkat umur dan persekolahan, termasuklah mereka dari sektor awam dan swasta.

Tahun ini, pergerakan terbuka kepada lingkungan umur 12 hingga 30 tahun lebih memberatkan aktiviti-aktivitinya kepada murid memandangkan Pergerakan Puteri Islam boleh dijalankan sebagai satu kegiatan luar sekolah yang berfaedah.

Beberapa kursus untuk guru akan dilaksanakan supaya mereka memahami konsep penubuhan pergerakan itu.

Ikrar

Menurut Toh Puan Norashikin lagi, penekanan aktiviti pergerakan ini tidak hanya terhad di sekitar persoalan agama malah merangkumi berbagai sudut aktiviti sosial, kebudayaan, kebajikan, sukan, permainan dan kegiatan-kegiatan riadah seperti memasak dan menjahit.

Toh Puan Norashikin

juga berkata penubuhan Pergerakan Puteri Islam tidak bermaksud menandingi pertubuhan atau pergerakan lain. Ia diwujudkan untuk mengawasi dan memberi galakan kepada pelajar-pelajar dan pemimpin-pemimpin Puteri Islam bergerak cergas menyumbangkan khidmat bakti di samping memperoleh penganjuran manfaat setelah meninggalkan bangku sekolah kelak.

Satu keistimewaan terdapat dalam pergerakan ini ia tidak dihadkan kepada pelajar-pelajar Islam saja. Pelajar beragama lain juga digalakkan menyertainya.

"Inilah satu cara mengelakkan anak-anak muda zaman sekarang dari tercebur atau menceburi diri dalam kebudayaan kuning di samping ingin memaju dan membimbing mereka ke arah kegiatan membina," kata Toh Puan Norashikin.